



SELANGOR

PERCUMA 27 Disember 2017 - 2 Januari 2018, 8 - 14 Rabi'ulakhir 1439



Bertempat di Sport Arena Pasir Tuntung, Kuala Selangor, seramai 120 peserta diberi peluang mempamerkan kebolehan Gambar ehsan FB BolarotanOfficial/

Sepak Takraw subur di Kuala Selangor

SHAH ALAM - Sukan sepak takraw terus diperhebat apabila Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang) dengan kerjasama Masyarakat Bola Rotan (MBR) menganjurkan program Pembangunan Sukan Sepak Takraw, baru-baru ini.

Presiden MBR, Mohsen Amdan berkata, inisiatif itu diambil bagi menyuburkan sukan tradisi itu di segenap lapisan masyarakat, sekali gus mengcungkil bakat baru berpotensi untuk diketengahkan pada masa hadapan.

"Dalam suasana sukan sepak takraw negara yang kini dilanda pelbagai isu kontroversi dan prestasi pasukan negara yang merudum sehingga disisihkan oleh Majlis Sukan Negara (MSN) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) daripada acara podium, sukan tradisi ini subur menghidu di Kuala Selangor," katanya dalam kenyataan.

Edisi kali ini membabitkan 12 regu bawah 12 tahun, tujuh regu bawah 17 tahun dan 16 regu kategori terbuka.



"Antara yang menarik bagi edisi kali ini ialah kategori terbuka dikenakan syarat setiap regu perlu menyenaraikan seorang peserta veteran berumur 45 tahun ke atas.

"Langkah ini berjaya 'menarik keluar' pemain veteran yang masih aktif di daerah ini dan memberi saingan sengit dalam kategori dipertandingkan," katanya.

Bagi kategori terbuka, regu To' Mon muncul juara dalam persaingan sengit menundukkan GETPA dengan mata 30-29.